



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : PRINSIP PERAKAUNAN
KOD KURSUS : DSM1033
PEPERIKSAAN : APRIL 2019
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (30 Markah)
BAHAGIAN C (60 Markah)

2. Jawab **SEMUA** soalan dari **BAHAGIAN A, BAHAGIAN B** dan **BAHAGIAN C**.
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
 - ii. Jawab BAHAGIAN B dan C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di mukasurat baru.

3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.

4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU


KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab SEMUA soalan dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Rajah di bawah ini menunjukkan kitaran perakaunan yang tidak lengkap.



Apakah X?

- A Catatan Buku Pertama – Jurnal
 - B Penyediaan Imbangan Duga
 - C Pengeposan ke Lejar
 - D Pelarasan
2. Kumpulan item yang manakah merupakan aset semasa?
- A Hasil sewa terdahulu, stok dan tunai
 - B Belanja gaji terakru, bank dan penghutang
 - C Belanja insurans terdahulu, hasil sewa terakru dan pemiutang
 - D Hasil komisen terakru, belanja iklan terdahulu dan penghutang

3. Akaun berikut menunjukkan catatan lejar bagi satu transaksi,
Prinsip manakah yang diamalkan?

Pemiutang Teguh			
	2018		RM
	Mei 5	Belian	500
Akaun Belian			
2018	RM		
Mei 5	Pemiutang Teguh	500	

- A Tempoh Perakaunan
 B Entiti Berasingan
 C Catatan Bergu
 D Ketekalan
4. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Alaana,

	RM
Aset bukan semasa	30,000
Aset semasa	20,940
Liabiliti bukan semasa	18,000
Liabiliti semasa	1,740

- Berapakah ekuiti pemilik perniagaan berkenaan?
- A RM31,200
 B RM34,680
 C RM67,200
 D RM70,680
5. Overdraf bank merupakan elemen apa?
- A Ekuiti Pemilik
 B Belanja
 C Liabiliti
 D Aset

6. Transaksi manakah yang mengurangkan jumlah modal?
- A Memberi diskaun RM300
 - B Menerima Komisen RM800
 - C Membawa masuk tunai peribadi ke dalam perniagaan RM2,400
 - D Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga RM860
7. Kedudukan baki akaun pada akhir tempoh perakaunan adalah seperti berikut.

	Butir	Baki
i.	Gaji terdahulu	Debit
ii.	Kadar bayaran terakru	Kredit
iii.	Sewa diterima terdahulu	Debit
iv.	Faedah atas Simpanan terakru	Kredit

Catatan manakah yang **BETUL**?

- A i dan ii
 - B i dan iv
 - C ii dan iii
 - D iii dan iv
8. Berikut merupakan tujuan penyata penyesuaian bank, kecuali:
- A Menyesuaikan baki di buku tunai dengan baki di penyata bank
 - B Memastikan ketepatan dan kesahihan rekod dalam buku tunai
 - C Mengenalpasti sebab perbezaan baki di buku tunai dan di penyata bank
 - D Menganalisis dan mentafsir maklumat kewangan kepada pengguna maklumat perakaunan

9. Berikut merupakan formula nisbah kewangan.

$$\text{Nisbah X} = \frac{\text{Aset semasa} - \text{Inventori}}{\text{Liabiliti Semasa}}$$

Apakah Nisbah X tersebut?

- A Tempoh Purata Kutipan
- B Pusing Ganti Aset
- C Aset Cepat
- D Semasa

10. Pernyataan di bawah merupakan pengguna analisis kewangan.

Menggunakan analisis kewangan / penyata kewangan kerana maklumat yang tersedia boleh dijadikan panduan bagi menyusun strategi seterusnya

Siapakah pengguna analisis kewangan yang dimaksudkan?

- A Pembekal
- B Pengurus
- C Pesaing
- D Pelabur

[10 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a) Berikan **tiga (3)** pengguna dalaman dan pengguna luaran maklumat perakaunan. (6 markah)
- b) Huraikan **dua (2)** konsep dan prinsip asas perakaunan. (4 markah)

SOALAN 2

- a) Dengan menggunakan persamaan perakaunan, lengkapkan jadual berikut:

	Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti Pemilik (RM)
i.		63,400	77,300
ii.	125,800		101,000
iii.	257,000	58,200	

(3 markah)

- b) Nyatakan akaun yang didebitkan dan akaun yang dikreditkan bagi setiap transaksi di bawah.

	Transaksi	Akaun Didebitkan	Akaun Dikreditkan
(a)	Azmie memulakan perniagaan dengan tunai di bank RM70,000		
(b)	Menerima cek untuk pinjaman perniagaan dari Sinaran Bank berjumlah RM25,000		
(c)	Membeli barang niaga secara kredit berjumlah RM2,800 dari Pembekal Sasa		
(d)	Membayar belanja utiliti RM250 dengan tunai		
(e)	Menerima diskaun tunai RM100 daripada Pembekal Sasa		
(f)	Pemilik mengambil barang niaga bernilai RM700 untuk kegunaan peribadi		
(g)	Jualan tunai RM4,100		

(7 markah)

SOALAN 3

Berikut merupakan penyata kewangan bagi Padu Perkasa Berhad

**Padu Perkasa Berhad
Penyata Kedudukan Kewangan
Pada 31 Disember 2018**

	RM		RM
Tunai	60,000	Akaun Belum Bayar	635,000
Sekuriti Boleh Pasar	40,000	Belanja Terakru	41,000
Akaun Belum Terima	560,000		
Inventori	260,000	Pinjaman Jangka Panjang	860,000
Nilai bersih Aset Tetap	1,568,000	Saham Biasa	88,000
		Saham Keutamaan	474,000
		Pendapatan Tertahan	390,000
JUMLAH ASET	<u>2,488,000</u>	JUMLAH LIABILITI & EKUITI	<u>2,488,000</u>

**Padu Perkasa Berhad
Penyata Pendapatan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018**

	RM
Jualan (100% Kredit)	1,985,000
Tolak : Kos barang dijual	1,420,000
Untung kasar	565,000
Tolak : Belanja operasi	315,500
Pendapatan sebelum cukai dan faedah	249,500
Tolak : Faedah	86,000
Pendapatan sebelum cukai	163,500
Tolak : Cukai	54,700
Pendapatan selepas cukai	108,800

Berdasarkan penyata kewangan di atas, kirakan nisbah kewangan berikut:

- | | |
|-------------------------|------------|
| a) Nisbah Aset Cepat | (4 markah) |
| b) Nisbah Hutang | (3 markah) |
| c) Margin Untung Bersih | (3 markah) |

[30 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Transaksi berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Ocim.

2018

- Dis
- | | |
|----|---|
| 1 | Memulakan dengan perniagaan dengan tunai di bank RM45,000 |
| 7 | Beli Perabot dengan cek RM4,500 |
| 10 | Beli barang niaga bernilai RM4,800 daripada Pembekal Jannah |
| 19 | Jualan Tunai berjumlah RM3,200 |
| 25 | Bayar Pembekal Jannah dengan cek berjumlah RM2,000 |
| 28 | Bayar gaji pekerja dengan tunai berjumlah RM2,200 |
| 31 | Menerima sewa berjumlah RM1,000 dengan cek |

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|---|------------|
| a) Catatan jurnal | (7 markah) |
| b) Akaun lejar untuk mencatat semua transaksi | (7 markah) |
| c) Imbangan duga pada 31 Disember 2018 | (6 markah) |

SOALAN 2

Berikut merupakan Imbangan Duga bagi Mewah Trading pada 30 November 2018

Mewah Trading
Imbangan Duga pada 30 November 2018

	<u>Debit (RM)</u>	<u>Kredit (RM)</u>
Alat tulis	200	
Pinjaman		20,000
Ambilan	1,500	
Penghutang	8,200	
Pemiutang		7,500
Pulangan Masuk	1,200	
Pulangan Keluar		1,450
Angkutan masuk	950	
Kadar bayaran	920	
Diskaun diberi	600	
Diakaun diterima		430
Inventori pada 1 Disember 2017	8,360	
Tunai	1,400	
Bank	6,280	
Premis	80,000	
Modal pada 1 Disember 2017		52,770
Belian	78,200	
Jualan		120,700
Promosi	540	
Lengkapan dan Lengkapan	4,000	
Insurans	2,000	
Gaji	8,500	
	202,850	202,850

Maklumat tambahan pada 30 November 2018 adalah seperti berikut:

1. Inventori pada 30 November 2018 bernilai RM10,290
2. Kadar bayaran terdahulu RM240
3. Susut nilai premis adalah 10% setahun atas kos
4. Penghutang dengan jumlah hutang RM1,500 didapati muflis. Amaun ini dihapuskan sebagai hutang lapuk.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a) Catatan jurnal pelarasan (3 markah)
- b) Penyata Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 November 2018 (13 markah)
- c) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 November 2018 (12 markah)

SOALAN 3

Buku Tunai dan Penyata Bank bagi Home Décor Bhd. adalah seperti berikut:

Buku Tunai (ruangan bank)					
2018			2018		
Okt 5	Tunai	2,000	Okt 1	Baki b/b	2,500
10	Jualan	1,500	3	Belian	500
13	Tunai	500	5	Motosikal	2,800
14	Sham	1,000	12	Telefon	360
19	Tunai	710	18	Upah	2,100
22	Abidin	450	21	Wahyu	4,000
30	Baki h/b	6,100			
		12,260			12,260

Penyata Bank bagi bulan berakhir Oktober 2018

Tarikh	Rujukan	Debit	Kredit	Baki
Okt 1	Baki b/b			2,500 Dt
3	Belian	500		3,000 Dt
5	Deposit tunai		2,000	1,000 Dt
	Motosikal	2,800		3,800 Dt
6	Cek tak layan	1,000		4,800 Dt
7	Caj bank	100		4,900 Dt
8	Arahan tetap	20		4,920 Dt
10	Jualan		1,500	3,420 Dt
12	Telefon	360		3,780 Dt
13	Deposit tunai		500	3,280 Dt
18	Upah	2,100		5,380 Dt
19	Deposit tunai		710	4,670 Dt
	Pindahan kredit		3,800	870 Dt
24	Dividen		2,200	1,330 Kt

Dikehendaki:

- a) Sediakan buku tunai terlaras bagi bulan Oktober 2018 (7 markah)
- b) Sediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Oktober 2018 (5 markah)

[60 MARKAH]**KERTAS SOALAN TAMAT**

